



# PELAN KASIH UPMHOLDINGS



## **PENGENALAN**

Pelan Kasih UPMHoldings ialah satu pelan yang disediakan oleh UPM Holdings Sdn. Bhd.(UPMHoldings) untuk staf tetap Universiti Putra Malaysia dan staf UPMHoldings. Pelan ini merupakan satu tanggungjawab social yang diwujudkan pada Januari 2017 bagi membantu seluruh warga UPM dan UPMHoldings.

## **BUTIRAN ORANG YANG DILINDUNGI**

Pelan Kasih UPMHoldings meliputi semua staf tetap UPM dan staf UPMHoldings yang masih di dalam perkhidmatan lebih daripada 12 bulan.

## MANFAAT KEMATIAN

Pelan ini berkuatkuasa sekiranya UPMHoldings menerima bukti yang diperakui mengenai kematian orang yang dilindungi dan meluluskan tuntutan tersebut, UPMHoldings akan membayar jumlah yang dilindungi bagi manfaat seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1.

**Jadual 1**

| <b>Manfaat</b> | <b>Jumlah yang dilindungi</b> |
|----------------|-------------------------------|
| Kematian       | RM10,000.00                   |



## PENGECUALIAN MANFAAT KEMATIAN DI BAWAH PELAN KASIH

Tiada manfaat akan dibayar jika kematian disebabkan secara langsung atau secara tidak langsung, seluruhnya atau sebahagiannya, oleh mana-mana satu daripada kejadian yang berikut:

- 1) Perjalanan udara selain penerbangan komersial;
- 2) Kecederaan ke atas diri sendiri atau bunuh diri, semasa waras atau tidak waras;
- 3) Perbuatan jenayah;
- 4) Berada di bawah pengaruh dadah atau sebarang narkotik atau disebabkan oleh minuman keras dan/atau bahan yang memabukkan;
- 5) Terlibat dengan mogok, rusuhan, kekacauan awam;
- 6) Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS), komplikasi yang berkaitan AIDS, orang yang dilindungi dijangkiti Virus Kurang Daya Tahan Penyakit Manusia (HIV);
- 7) Pelanggaran undang-undang;
- 8) Berkhidmat secara aktif dalam mana-mana tentera laut, tentera darat, tentera udara, pasukan ketenteraan, perkhidmatan berkaitan kebakaran, pertahanan awam, polis atau pegawai organisasi penguatkuasaan undang-undang;
- 9) Pendedahan kepada risiko atau bahaya yang tidak perlu disebabkan oleh kecuaiian atau secara sengaja.



## MANFAAT HILANG UPAYA KEKAL; *TOTAL AND PERMANENT DISABILITY (TPD)*

Pelan ini berkuatkuasa sekiranya UPMHoldings menerima bukti yang diperakui bahawa orang yang dilindungi telah mengalami hilang upaya yang kekal dan meluluskan tuntutan tersebut, UPMHoldings akan membayar jumlah yang dilindungi bagi manfaat seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2 di bawah;

**Jadual 2**

| <b>Manfaat</b>          | <b>Jumlah yang dilindungi</b> |
|-------------------------|-------------------------------|
| Hilang Upaya yang Kekal | RM10,000.00                   |

\*Jika orang yang dilindungi meninggal dunia sebelum manfaat TPD dibayar, manfaat kematian akan dibayar apabila UPMHoldings menerima dokumen yang lengkap, dan manfaat TPD tidak akan dibayar.



## TAKRIFAN HILANG UPAYA YANG KEKAL (TPD)

Untuk layak menuntut manfaat ini, pemeriksaan perubatan mestilah diyakini bahawa hilang upaya orang yang dilindungi telah memenuhi takrifan TPD seperti yang dinyatakan di bawah:

- 1) Orang yang dilindungi masih aktif berkhidmat bekerja untuk mendapatkan gaji, mereka dipertimbangkan sebagai hilang upaya menyeluruh dan kekal jika mereka tidak mampu secara menyeluruh dan kekal untuk melakukan sebarang tugas, pekerjaan atau profesion untuk mendapatkan sebarang gaji atau pampasan. Hilang upaya ini mestilah berlanjutan selama sekurang-kurangnya enam (6) bulan berturut-turut.
- 2) TPD merangkumi keadaan yang terjadi seperti berikut:
  - i. Kehilangan penglihatan menyeluruh dan kekal pada kedua-dua mata;
  - ii. Kehilangan dua (2) anggota pada atau di atas pergelangan tangan atau buku lali;
  - iii. Kehilangan penglihatan menyeluruh dan kekal pada satu (1) mata dan kehilangan satu (1) anggota pada atau di atas pergelangan tangan atau buku lali; atau
  - iv. Lumpuh secara menyeluruh dan kekal.



## **PENGECUALIAN MANFAAT HILANG UPAYA YANG KEKAL DI BAWAH PELAN KASIH**

Tiada manfaat akan dibayar jika TPD disebabkan secara langsung atau secara tidak langsung, seluruhnya atau sebahagiannya, oleh mana-mana satu daripada kejadian yang berikut:

- 1) Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS), komplikasi yang berkaitan AIDS, orang yang dilindungi dijangkiti Virus Kurang Daya Tahan Penyakit Manusia (HIV);
- 2) Berada di bawah pengaruh dadah atau sebarang narkotik atau disebabkan oleh minuman keras dan/atau bahan yang memabukkan;
- 3) Perbuatan jenayah, terlibat dalam pelanggaran undang-undang (kecuali sebagai pihak tidak bersalah) atau menjadi ahli organisasi haram;
- 4) Kecederaan ke atas diri sendiri atau bunuh diri, semasa waras atau tidak waras;
- 5) Peperangan, serangan, tindakan permusuhan asing, pertempuran atau operasi semacam peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), mogok, rusuhan, perang persaudaraan, pemberontakan, revolusi, penderhakaan, kekacauan awam yang mengandaikan pembahagian atau membawa kepada kebangkitan, ketenteraan atau rampasan kuasa;
- 6) Berkhidmat secara aktif dalam mana-mana tentera laut, tentera darat, tentera udara, pasukan ketenteraan, perkhidmatan berkaitan kebakaran, pertahanan awam, polis atau pegawai organisasi penguatkuasaan undang-undang;
- 7) Ketidakupayaan badan, atau gangguan mental atau fungsi, atau kesakitan atau penyakit apa-apa jenis, atau sebarang jangkitan selain daripada jangkitan yang berlaku serentak dan akibat luka atau kecederaan akibat kemalangan; atau
- 8) Pendedahan kepada risiko atau bahaya yang tidak perlu disebabkan oleh kecuaiian atau secara sengaja





## MANFAAT RAWATAN PERUBATAN

Pelan ini berkuatkuasa sekiranya UPMHoldings menerima bukti yang diperakui mengenai rawatan perubatan orang yang dilindungi dan meluluskan tuntutan tersebut, UPMHoldings akan membayar jumlah orang yang dilindungi sekali dalam setahun bagi manfaat seperti yang dinyatakan dalam Jadual 3 di bawah:

**Jadual 3**

| Manfaat   | Jumlah yang dilindungi |
|---|------------------------|
| Manfaat Rawatan Perubatan                                       | RM1,000.00             |
| Manfaat Elaun Tunai Wad Hospital Sehari<br>(Maksimum : 15 hari) | RM25.00                |

Manfaat rawatan perubatan ditanggung sehingga nilai maksima seperti di dalam jadual atau mana-mana yang terendah kepada orang yang dilindungi. Manfaat orang dilindungi seperti berikut:

- 1) Penginapan hospital & belanja rawatan;
- 2) Belanja pembedahan (fi pakar bedah & kos yang berkaitan dengan pembedahan)
- 3) Ujian untuk pesakit yang masuk wad; atau
- 4) Tuntutan luar negeri untuk tugas rasmi. \**Perbelanjaan 1-3 di atas semasa bertugas rasmi di luar negeri.*





## PENGECUALIAN MANFAAT RAWATAN PERUBATAN DI BAWAH PELAN KASIH

Tiada manfaat akan dibayar bagi melindungi sebarang kemasukan ke hospital, pembedahan atau caj yang diakibatkan, secara langsung atau tidak langsung, keseluruhan atau sebahagian, oleh mana-mana satu kejadian di bawah:

- 1) Sebarang kecederaan atau penyakit yang disebabkan oleh membunuh diri, percubaan membunuh diri atau kecederaan diri yang disengajakan semasa siuman atau tidak siuman;
- 2) Sebarang kecederaan atau penyakit yang disebabkan oleh peperangan, pencerobohan tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, kebangkitan, kuasa ketenteraan atau rampasan kuasa, pembabitian secara langsung dalam rusuhan, mogok atau kekacauan awam;
- 3) Sebarang keadaan yang timbul daripada kelahiran atau pengguguran, termasuk sebarang rawatan, ujian atau rawatan selepas bersalin yang berkaitan;
- 4) Sebarang rawatan atau ujian yang berhubungan dengan ketidaksuburan, pencegahan hamil, pemandulan, disfungsi erektil, ujian atau rawatan yang berkaitan dengan mati pucuk;
- 5) Kecacatan kelahiran, kejanggalan kongenital, kecacatan bentuk kongenital termasuk keadaan-keadaan keturunan
- 6) Sebarang pembedahan kosmetik atau plastik (melainkan perlu dilakukan akibat kecederaan atau penyakit), sebarang pembedahan elektif, termasuk penukaran jantina atau berkhatan;

- 7) Sebarang rawatan atau ujian yang berkaitan AIDS, kewujudan sebarang jangkitan virus Kurang Daya Tahan Penyakit atau penyakit yang dijangkiti melalui hubungan seks;
- 8) Sebarang bentuk rawatan atau pembedahan pergigian melainkan perlu dilakukan akibat kecederaan kemalangan atau penyakit yang melibatkan pembedahan oral;
- 9) Perbelanjaan yang ditanggung untuk menderma mana-mana organ badan oleh orang yang dilindungi;
- 10) Sebarang pemeriksaan mata, cermin mata dan refraksi atau pembetulan rabun jauh secara pembedahan (Keratotomi Radial)
- 11) Penggunaan atau pemerolehan peralatan atau peranti prostetik luaran seperti anggota palsu, alat bantu pendengaran dan preskripsi;
- 12) Kemasukan ke hospital terutamanya untuk tujuan selidikan, diagnosis, pemeriksaan X-ray, pemeriksaan fizikal am atau pemeriksaan perubatan rutin; rawatan/ubat pencegahan, rawatan/pemeriksaan khusus untuk menurunkan atau menambahkan berat badan; pemulihan, penjagaan, sanitaria, atau rehat pulih; atau penjagaan kejururawatan persendirian; atau
- 13) Sebarang kecederaan atau penyakit dari sebarang jenis perlumbaan, sukan berbahaya seperti tetapi tidak terhad kepada sukan udara seperti terjun udara, luncur air, aktiviti di dalam air yang melibatkan penggunaan alat pernafasan, sukan musim sejuk dan sukan professional melainkan dipersetujui melalui endorsemen khas.



## **PROSEDUR TUNTUTAN MANFAAT KEMATIAN/ HILANG UPAYA YANG KEKAL/ RAWATAN PERUBATAN**

- 1) Orang yang dilindungi atau wakil sah orang yang dilindungi perlu menghantar boring tuntutan beserta dokumen sokongan yang telah diperakui kepada UPMHoldings dalam tempoh 30 hari selepas kematian/ hilang upaya/ menerima rawatan.
- 2) Proses penilaian akan dilakukan setelah UPMHoldings menerima semua dokumen, maklumat dan bukti yang lengkap daripada pemohon.
- 3) Dokumen, maklumat dan bukti perlu dikemukakan resit asal



~TERIMA KASIH~